

Pendekatan Program *Speed Tahfiz* dalam Meningkatkan Hafazan Al-Quran di Akademi al-Quran Amalillah, Shah Alam (*The Approach of the Speed Tahfiz Program in Enhancing Al-Quran Memorization at Akademi al-Quran Amalillah, Shah Alam*)

Maryam Aqilah binti Muhaiyat

Pusat Kajian al-Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Haziyah binti Hussin

Pusat Kajian al-Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Pendidikan tahfiz di Malaysia berkembang secara dinamik dengan pelbagai institusi menawarkan program hafazan secara formal mahupun tidak formal. Walaupun pelbagai kaedah hafazan telah diperkenalkan, sebahagian pelajar masih menghadapi cabaran untuk menamatkan hafazan dalam tempoh yang disasarkan. Sebagai respons kepada isu ini, Akademi al-Quran Amalillah (AKMAL) memperkenalkan *Speed Tahfiz Program*, iaitu pendekatan hafazan intensif yang bertujuan melahirkan huffaz dalam tempoh setahun. Kajian ini bertujuan menganalisis pendekatan program Speed Tahfiz sebagai mekanisme peningkatan prestasi hafazan dalam kalangan pelajar di AKMAL, Shah Alam. Reka bentuk kajian kualitatif dengan pendekatan kajian kes digunakan, melibatkan temu bual separa berstruktur bersama pentadbir dan guru, di samping pemerhatian pengajaran serta analisis dokumen. Data dianalisis secara deskriptif. Dapatan menunjukkan bahawa pendekatan Speed Tahfiz dibangunkan berasaskan kaedah Deobandi dengan penekanan terhadap tiga komponen utama, iaitu *sabaq* (hafazan baharu), *sabqi* (ulangan juzuk semasa) dan *manzil* (ulangan juzuk lama). Keberkesanan program diperkukuh melalui proses *tasbit*, ujian tebuk, dan strategi motivasi seperti teknik Pomodoro, kempen hafazan dan sistem *Ranking Board*. Kesimpulannya, gabungan kaedah tradisional dan inovasi moden ini berkesan membantu pelajar meningkatkan fokus, disiplin dan penguasaan hafazan dalam tempoh kurang daripada setahun. Kajian mencadangkan agar pendekatan ini diperkemas dan diperluaskan ke institusi tahfiz lain sebagai inisiatif inovatif dalam pendidikan tahfiz di Malaysia.

Kata kunci: Hafazan al-Quran, Kaedah Deobandi, Speed Tahfiz, Pendidikan Tahfiz, Akademi al-Quran Amalillah

Abstract

Tahfiz education in Malaysia has undergone dynamic growth, with numerous institutions offering Quran memorization programmes through both formal and informal pathways. Despite the introduction of various memorization methods, many students continue to encounter challenges in completing their memorization within the expected timeframe. In response to this issue, the Akademi al-Quran Amalillah (AKMAL) introduced the *Speed Tahfiz Program*, an intensive memorization approach designed to produce huffaz within one year. This study aims to analyse the Speed Tahfiz Program's approach as a mechanism for enhancing memorization performance among students at AKMAL, Shah Alam. A qualitative research design employing a case study approach was utilized, involving semi-structured interviews with administrators and teachers, alongside observations of teaching practices and document analysis. The data were analysed descriptively. Findings indicate that the Speed Tahfiz approach is grounded in the Deobandi method, with emphasis on three core components: *sabaq* (new memorization), *sabqi* (revision of current juz'), and *manzil* (revision of previous juz'). The programme's effectiveness is further strengthened through *tasbit* practices, spot tests, and motivational strategies such as the Pomodoro technique, memorization campaigns, and a Ranking Board system. In conclusion, the integration of traditional methods with modern innovations effectively supports students in maintaining focus, strengthening discipline, and achieving solid memorization mastery within less than a year. The study recommends that this approach be refined and expanded to other tahfiz institutions as an innovative initiative in Malaysia's tahfiz education landscape.

Keywords: Quran Memorization, Deobandi Method, Speed Tahfiz, Tahfiz Education, Akademi al-Quran Amalillah

Article Progress

Received: 22 January 2026

Revised: 11 February 2026

Accepted: 28 February 2026

1. PENGENALAN

Pendidikan tahfiz merujuk kepada suatu usaha pendidikan yang bersifat berterusan dalam memperkembangkan potensi individu melalui penguasaan kemahiran membaca, menghafaz dan memahami al-Quran. Pendekatan ini mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli serta menekankan pengaplikasiannya dalam kehidupan seharian. Pendidikan tahfiz turut memberi penekanan kepada pembentukan individu yang seimbang dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani, berteraskan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT (JAKIM, 2021). Sehubungan itu, pendidikan tahfiz berperanan sebagai wadah dalam melahirkan generasi yang menghayati al-Quran yang berupaya menyumbang kepada pembangunan negara dan kesejahteraan ummah.

Daripada sudut sejarah perkembangannya di Malaysia, institusi pendidikan tahfiz al-Quran secara rasmi bermula pada 1 Mac 1966 dengan penubuhan Maahad Tahfiz al-Quran Wal-Qiraat di bawah Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri (Nordin, 2015). Institusi ini kemudiannya berkembang menjadi Darul Quran di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), yang berperanan sebagai pusat rujukan utama pendidikan tahfiz di negara ini. Selari dengan perkembangan tersebut, pendidikan tahfiz terus diperkukuh melalui penubuhan institusi tahfiz yang dikendalikan oleh pelbagai agensi dan organisasi, termasuk Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), badan bukan kerajaan (NGO), serta institusi swasta atau persendirian. Di samping itu, agensi kerajaan turut memperkenalkan dan melaksanakan program tahfiz secara lebih sistematik melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) (JAKIM, 2021). Inisiatif-inisiatif ini mencerminkan komitmen kerajaan dalam memperkasakan pendidikan tahfiz sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan arus perdana negara. Pelaksanaan program tahfiz secara berstruktur bukan sahaja memperluas akses kepada pendidikan al-Quran, malah menyumbang kepada pembentukan modal insan yang holistik dan berdaya saing. Walau bagaimanapun, perkembangan pesat institusi tahfiz turut menimbulkan pelbagai cabaran, antaranya penyeragaman kurikulum, kualiti pengajaran, kelayakan tenaga pengajar, serta keseimbangan antara pengajian tahfiz dan pendidikan akademik. Justeru, perancangan yang sistematik, pemantauan berterusan dan kerjasama antara pihak berkepentingan amat diperlukan bagi memastikan kelestarian dan keberkesanan pendidikan tahfiz selaras dengan aspirasi pendidikan negara.

Daripada aspek jenis pemilikan, institusi pendidikan tahfiz boleh dibahagikan kepada dua kategori utama, iaitu institusi tahfiz kerajaan dan institusi tahfiz swasta, yang merangkumi pelbagai peringkat pendidikan bermula daripada pra-sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah hingga ke peringkat pengajian tinggi. Penubuhan pusat pengajian tahfiz swasta di Malaysia bermula pada tahun 1981 dengan tertubuhnya Maahad Tahfiz al-Quran wa al-Qiraat di Jeram, Selangor, diikuti dengan penubuhan Madrasah al-Quran Kubang Bujuk di Terengganu pada tahun 1982 (Solahuddin, 2018). Kebanyakan institusi tahfiz awal ini diasaskan oleh individu yang terlibat dalam gerakan Jemaah Tabligh, dengan mengadaptasi kaedah hafazan yang dipraktikkan di India dan Pakistan (Noor Hisham et al., 2014). Menurut data Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, sehingga tahun 2021, sebanyak 1,225 pusat tahfiz berdaftar di seluruh negara yang merangkumi Maahad Tahfiz Negeri dan Maahad Tahfiz Swasta di peringkat rendah dan menengah (JAKIM, 2021). Peningkatan jumlah institusi ini didorong oleh kesedaran masyarakat Islam terhadap kepentingan mendekati diri dengan al-Quran, yang menjadi faktor utama kepada perkembangan pesat pendidikan tahfiz di Malaysia (Ikram & Noornajihan, 2024). Walau bagaimanapun, institusi tahfiz swasta di kebanyakan negeri didapati beroperasi mengikut pendekatan tersendiri kerana mempunyai autonomi dalam pemilihan kurikulum dan kaedah pengajaran, yang lazimnya dipengaruhi oleh latar belakang pendidikan dan pengalaman tenaga pengajar (Huda & Syahidah, 2023).

Lazimnya, proses menghafaz al-Quran merangkumi tiga peringkat utama, iaitu hafazan ayat baharu, pengulangan hafazan yang telah dipelajari, serta usaha mengekalkan hafazan sedia ada melalui aktiviti ulang kaji hafazan (*murāja'ah* atau *i'ādah*). Penguasaan yang baik pada setiap

peringkat ini diyakini dapat membantu seseorang mencapai matlamat untuk menjadi seorang penghafaz al-Quran (Abdul Hafiz et al., 2003). Kaedah tradisional seperti pembelajaran secara bersemuka *talaqqi* dan penyampaian secara lisan (*musyāfahah*) masih menjadi asas utama dalam proses hafazan, di mana pelajar mendengar bacaan guru secara langsung sebelum mengulangi bacaan tersebut dengan tepat. Kaedah ini lazimnya digabungkan dengan teknik pengulangan berjadual, antaranya hafazan baharu (*sabak*), ulangan awal (*sabki*), dan ulangan keseluruhan (*manzil*). Kesemua kaedah ini terbukti berkesan dalam mengukuhkan daya ingatan pelajar (Azmil et al., 2014).

Kepelbagaian institusi tahfiz di Malaysia telah melahirkan variasi pendekatan dan teknik hafazan yang mencerminkan keunikan serta matlamat masing-masing. Variasi ini bukan sahaja menyumbang kepada penghasilan pelajar yang berkualiti dari aspek hafazan dan penguasaan ilmu, malah turut membentuk akhlak serta keupayaan mereka sebagai agen penyebaran dakwah. Kekayaan pendekatan dan teknik hafazan ini turut dipengaruhi oleh kemasukan kaedah hafazan al-Quran dari luar negara, antaranya Kaedah Deobandi dari India, Kaedah Panipati dari Pakistan, Kaedah Cirebon dari Indonesia, Kaedah Malwali dari Bangladesh, serta Kaedah Arab Saudi (Darul Quran, 2019). Sehubungan itu, setiap institusi pendidikan tahfiz lazimnya menetapkan tempoh sasaran yang berbeza bagi menamatkan hafazan al-Quran. Secara umumnya, pelajar memerlukan antara dua hingga lima tahun untuk menamatkan hafazan al-Quran. Perbezaan tempoh ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk kekuatan daya ingatan, tahap komitmen dan motivasi diri, keadaan persekitaran pembelajaran, sokongan keluarga, serta bimbingan guru (Syahid Robbani & Ahmad Muzayyan, 2021). Selain itu, faktor pengurusan masa dan dorongan sendiri turut memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan hafazan pelajar (Wan Khalijah et al., 2020).

Menurut Mohd Shamsul Hakim et al. (2023), tempoh masa yang diambil untuk menghafaz al-Quran merupakan faktor yang sangat signifikan dalam menilai keberkesanan sesuatu kaedah atau sistem hafazan. Keadaan ini mendorong kepada penciptaan teknik baharu atau penyesuaian kaedah sedia ada dengan pendekatan yang lebih inovatif dan sistematik. Sebagai contoh, pelajar Maahad Tahfiz Turath Negeri Pahang dilaporkan mampu menyelesaikan hafazan 30 juzuk al-Quran dalam tempoh setahun (Muhammad Dhiauddin & Abdul Hafiz, 2021). Keupayaan sesebuah institusi tahfiz memendekkan tempoh yang diperlukan pelajar untuk menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran sering dijadikan petunjuk utama keberkesanan pelaksanaan program hafazan. Malah, pencapaian sedemikian turut meningkatkan keyakinan dan minat masyarakat untuk menyertai program tahfiz yang ditawarkan (Mohd Shamsul Hakim et al., 2023).

Sehubungan itu, Akademi al-Quran Amalillah (AKMAL), sebuah institusi tahfiz swasta, telah meneroka dan melaksanakan satu program hafazan khusus yang bertujuan membantu pelajar menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran dalam tempoh yang lebih singkat daripada kebiasaan. Program yang dikenali sebagai *Speed Tahfiz* ini telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan apabila seramai 269 orang pelajar berjaya mengkhataamkan hafazan al-Quran dalam tempoh kurang daripada setahun sejak pelaksanaannya pada tahun 2018 (AKMAL, 2025). Bahkan, terdapat pelajar yang dapat menamatkan hafazan al-Quran dalam masa empat bulan (Astro Awani, 2025). Justeru, kajian ini mengemukakan dua persoalan utama, iaitu: (i) apakah ciri-ciri dan pendekatan yang membentuk pelaksanaan program *Speed Tahfiz* di AKMAL; dan (ii) bagaimanakah pendekatan tersebut dapat membantu kebanyakan pelajar menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran dalam tempoh setahun. Berdasarkan persoalan tersebut, kajian ini bertujuan untuk menganalisis pendekatan program *Speed Tahfiz* yang dilaksanakan di institusi ini sebagai satu mekanisme bagi meningkatkan prestasi hafazan dalam kalangan pelajar.

2. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan kajian kes bagi meneliti secara mendalam kaedah hafazan *Speed Tahfiz* yang diaplikasikan di Akademi al-Quran Amalillah (AKMAL). Skop kajian ini tertumpu kepada AKMAL yang beroperasi di Shah Alam, Selangor, iaitu cawangan akademi pertama yang ditubuhkan, bagi memastikan kefahaman yang mendalam terhadap pelaksanaan awal dan kerangka asal kaedah hafazan yang diperkenalkan oleh institusi tersebut. Justeru, dapatan kajian ini tidak bertujuan untuk digeneralisasikan kepada semua cawangan AKMAL, sebaliknya memberikan gambaran kontekstual yang terperinci berkaitan amalan di lokasi kajian.

Pengumpulan data dilakukan melalui tiga kaedah utama, iaitu temu bual separa berstruktur, pemerhatian lapangan dan analisis dokumen. Temu bual separa berstruktur dijalankan bersama Mudir Akademi sebagai informan utama bagi memperoleh maklumat terperinci berkaitan latar belakang penubuhan institusi, falsafah pendidikan, serta pendekatan hafazan *Speed Tahfiz* yang diterapkan. Pemilihan kaedah temu bual ini membolehkan penyelidik meneroka maklumat secara fleksibel dan mendalam, di samping memberi ruang kepada informan untuk menghuraikan pengalaman dan pandangan berdasarkan konteks sebenar pelaksanaan program.

Selain itu, pemerhatian lapangan turut dijalankan terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran bagi merekodkan data kontekstual, corak interaksi antara guru dan pelajar, serta pelaksanaan strategi hafazan secara langsung. Pemerhatian ini membantu penyelidik memahami realiti amalan pedagogi yang mungkin tidak dapat diperoleh sepenuhnya melalui temu bual semata-mata. Analisis dokumen pula melibatkan penelitian terhadap bahan bertulis seperti buku panduan, artikel, jurnal, tesis, brosur, serta laman sesawang rasmi institusi bagi melengkapkan data berkaitan visi, misi, struktur program, pendekatan pedagogi, dan pencapaian pelajar.

Data kajian dianalisis menggunakan pendekatan analisis deskriptif kualitatif, dengan transkripsi temu bual dan catatan pemerhatian dijadikan asas kepada proses pengkodan dan pengkategorian tema secara sistematik. Penggunaan pelbagai sumber data atau triangulasi data bertujuan meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian. Aspek etika penyelidikan turut dititikberatkan dengan memastikan kerahsiaan maklumat responden dan mendapatkan keizinan sebelum pengumpulan data dijalankan. Secara keseluruhannya, kajian ini berupaya menggambarkan secara komprehensif kaedah hafazan al-Quran yang diaplikasikan di AKMAL, merangkumi strategi pengajaran, pelaksanaan program, serta implikasinya terhadap prestasi hafazan pelajar dalam konteks institusi kajian.

3. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

3.1 Latar Belakang Institusi

Akademi al-Quran Amalillah ditubuhkan pada tahun 2018 dengan lokasi pertamanya di Shah Alam, Selangor. Institusi ini diasaskan oleh Tuan Haji Hussin Ismail dan ahli keluarganya iaitu Ustaz Saifullah dan Ustaz Fakhru Razi, atau lebih dikenali sebagai Imam Muda Fakhru yang kemudiannya dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif AKMAL. Pemilihan nama “Amalillah,” yang membawa maksud beramal kerana Allah, mencerminkan matlamat utama penubuhan institusi ini, iaitu untuk melahirkan generasi huffaz yang menguasai hafazan al-Quran, malah turut menghayatinya sebagai panduan hidup. Penubuhan AKMAL didorong oleh visi dan misi yang jelas. Visinya adalah menjadi institusi tahfiz peneraju dalam bidang *fast track* hafazan al-Quran setahun di Malaysia menjelang tahun 2027. Institusi ini juga meletakkan tiga misi utama penubuhannya iaitu, menghasilkan huffaz al-Quran dalam tempoh setahun, melahirkan huffaz yang mengamalkan 12 nilai AKMAL dan menjadi penyumbang kepada sistem arus perdana dalam dan luar negara. Akademi ini

turut berperanan sebagai model dan penyumbang dalam memperkasa pendidikan tahfiz justeru ia berhasrat untuk tampil sebagai peneraju yang proaktif dengan menyumbang melalui pendekatan motivasi, sistem pembelajaran yang teratur serta inovasi dalam meraikan pencapaian pelajar (Muhammad Hafiz, 2025).

AKMAL merupakan institusi tahfiz yang mengamalkan pendidikan tahfiz sepenuh masa. Pengambilan pelajarinya dibuka kepada daripada umur 10 hingga 15 tahun. Institusi tahfiz sepenuh masa menumpukan kepada hafazan al-Quran sepenuhnya, di samping memberikan pendedahan asas dalam ilmu tajwid, fardu ain dan akhlak. Selain menekankan hafazan al-Quran, AKMAL juga menggunakan pendekatan yang lebih mesra, membimbing serta menghargai pencapaian pelajar tanpa mengabaikan disiplin dan kualiti hafazan, berbeza daripada pendekatan lama yang sering dikaitkan dengan keras dan ketegasan guru dalam menghukum pelajar (Muhammad Hafiz, 2025).

Dalam pembelajaran tahfiz secara tradisional, pelajar diperuntukkan masa antara tujuh hingga lapan jam sehari untuk menghafaz al-Quran, merangkumi hafazan baharu, *muraja'ah*, dan *tasmik*. Berdasarkan sistem ini, lazimnya, pelajar mengambil masa tiga hingga lima tahun untuk menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran (Muhammad Hafiz et al., 2023). Namun, keperluan masyarakat masa kini yang menginginkan pencapaian lebih cepat telah melahirkan pendekatan tahfiz pantas sebagai alternatif moden (Mohd Shamsul Hakim et al., 2023). Sehubungan itu, AKMAL memperkenalkan *Speed Tahfiz Program*, iaitu program *fast track* yang membolehkan pelajar menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran dalam tempoh setahun. Pendekatan ini bukan sahaja mempercepatkan proses hafazan berbanding kaedah tradisional yang mengambil masa lebih lama, malah turut membuka dimensi baharu dalam landskap pendidikan tahfiz di negara ini.

Kini, AKMAL telah berjaya mengembangkan rangkaianannya dengan membuka sembilan cawangan di seluruh Malaysia. Cawangan yang beroperasi ialah: (1) AKMAL HQ di Kampung Tebakang, Bukit Payung, Terengganu; (2) AKMAL Shah Alam, Selangor; (3) AKMAL Prima, Rawang, Selangor; (4) AKMAL KLIA, Banting, Selangor; (5) AKMAL Batu Pahat, Johor; (6) AKMAL Nurul Aman, Pasir Mas, Kelantan; (7) AKMAL Ar-Rahimiyyah, Pahang (Hafiz, 2025), (8) AKMAL Penang (AKMAL Darussalam Tasek Gelugor), dan AKMAL Tahfiz Online Terengganu (<https://hafizsetahun.com>). Semasa pandemik COVID-19, AKMAL turut memperkenalkan platform pembelajaran tahfiz secara dalam talian dan masih meneruskannya sehingga kini. Dua program dalam taliannya ialah AKMAL Tahfiz Online Premium bagi pembelajaran sepenuh masa dan AKMAL Tahfiz Elite bagi separuh masa (<https://hafizsetahun.com>).

Kejayaan yang dicapai oleh AKMAL sebagai sebuah institusi tahfiz swasta memperlihatkan komitmen tinggi pihak pengurusan dalam menjayakan visi dan misi organisasi. Hal ini sejajar dengan kajian Hasanah et al. (2025), bahawa perkembangan berterusan dalam sesebuah institusi tahfiz adalah hasil daripada pendekatan pengajaran yang tersusun serta pengurusan yang tekun dan komited terhadap visi pengasasan.

3.2 Pelaksanaan *Speed Tahfiz Program*

Kaedah hafazan yang diaplikasikan di AKMAL dikenali sebagai *Speed Tahfiz Program*. Ia dibangunkan berasaskan Kaedah Deobandi yang telah diolah semula agar lebih sesuai dengan keperluan pelajar (Muhammad Hafiz, 2025). Kaedah Deobandi merupakan pendekatan menghafaz yang digunakan secara meluas di institusi tahfiz di Malaysia, bahkan ia antara kaedah terawal yang digunakan dalam sistem pendidikan tahfiz persendirian di negara ini (Muhammad Hafiz et al., 2023). Kaedah ini menekankan beberapa teknik utama seperti persediaan sebelum menghafal, *sabak*

(hafazan baharu), *para sabak* (hafazan mingguan), *ammokhtar* (hafazan keseluruhan), *halaqah dauri* (kelas ulangan hafazan) dan *syahadah hafiz* (Sidek & Zulkifli, 2015).

Antara pengubahsuaian terhadap Kaedah Deobandi ialah peristilahan teknik. Istilah-istilah yang digunakan di AKMAL ialah *mutala'ah* (ulang kaji sebelum hafazan baharu), *sabak* (hafazan baharu harian), *sabqi* (ulangan juzuk semasa) serta *manzil* (ulangan juzuk lama, sekurang kurangnya satu juzuk). Selain itu, AKMAL juga melaksanakan *Mukhtar Khatam* iaitu ujian tebuk bacaan setiap juzuk yang telah dihafal oleh pelajar dan *Tasbit* iaitu proses ulangan atau muraja'ah semula hafazan 1-25 juzuk yang telah dihafal sebelum menghabiskan 5 juzuk terakhir. Kedua-dua proses bertujuan untuk mengekalkan kualiti hafazan dalam kalangan pelajar (Muhammad Hafiz, 2025). Perbezaan teknik hafazan dan peristilahan teknik antara *Speed Tahfiz Program* AKMAL dengan Kaedah Deobandi ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Perbandingan antara Kaedah Deobandi dan *Speed Tahfiz Program* di AKMAL

Aspek Perbandingan Teknik	Kaedah Deobandi	Speed Tahfiz Program
Persediaan	Persediaan Sebelum Menghafaz	<i>Mutala'ah</i>
Hafazan Baharu	<i>Sabak</i>	<i>Sabak</i>
Hafazan Mingguan/Ulangan Juzuk Semasa	<i>Para Sabak</i>	<i>Sabqi</i>
Hafazan Keseluruhan/Ulangan Juzuk Lama	Ammokhtar	<i>Manzil</i>
Ujian Tebuk Bacaan	-	<i>Mukhtar Khatam</i>
Kelas Ulangan Hafazan	<i>Halaqah Dauri</i>	<i>Tasbit (1-25 juzuk)</i>
Bacaan Keseluruhan 30 Juzuk Al-Quran	<i>Syahadah Hafiz</i>	<i>Syahadah</i>

Menurut Sharifah Noorhidayah (2017), kesemua kaedah hafazan al-Quran berasaskan proses yang sama iaitu membaca, menghafaz, dan mengulang, namun apa yang membezakan antara kaedah-kaedah tersebut ialah istilah yang digunakan. Wan Ahmad Zakry et al. (2021) menukilkan pandangan al-Ghawthāni (1998) bahawa mengulang hafazan atau *muraja'ah* merupakan proses yang lebih sukar berbanding menghafaz kerana ia menuntut kesungguhan, kesabaran dan konsistensi, terutama pada peringkat awal untuk menguatkan hafazan. Atas faktor inilah, AKMAL melaksanakan pendekatan berstruktur dalam *Speed Tahfiz Program*, yang dinamakan *Mukhtar Khatam* dan *Tasbit* bagi memastikan pelajar tidak melupakan hafazan lama, bahkan hafazan itu terus terpelihara dengan baik.

Selain itu, AKMAL turut mengaplikasikan Teknik Pomodoro sebagai salah satu strategi sokongan dalam proses hafazan bagi memastikan pelajar kekal fokus dan konsisten. Teknik Pomodoro merupakan kaedah pembelajaran berasaskan pengurusan masa yang menekankan tumpuan penuh dalam tempoh tertentu, lazimnya selama 25 minit, diikuti dengan rehat singkat sebelum sesi seterusnya dimulakan. Pendekatan ini bertujuan mengurangkan keletihan kognitif, meningkatkan daya tumpuan, serta membantu pelajar mengurus masa hafazan dengan lebih sistematik dan berkesan. Dalam konteks hafazan al-Quran di AKMAL, teknik ini diaplikasikan dengan menstrukturkan sesi hafazan kepada kitaran fokus dan rehat yang seimbang. Pelajar menghafaz selama 30 minit, kemudian berehat selama 5 minit sebelum menyambung hafazan untuk 30 minit berikutnya. Kitaran ini diulang bagi mengekalkan konsentrasi dan mengelakkan keletihan. Dalam setiap sesi 30 minit tersebut, pelajar digalakkan menghafaz sebanyak mungkin ayat-ayat al-Quran berdasarkan kemampuan diri. Pendekatan yang digunakan ini sejajar dengan pandangan

Cirillo (2006) yang menegaskan bahawa pengurusan masa secara berfasa mampu meningkatkan produktiviti dan kualiti pembelajaran.

Di samping itu, guru memainkan peranan penting dalam menyokong proses hafazan dengan menyelitkan sesi motivasi ringkas bagi membangkitkan semangat dan keyakinan pelajar, sekali gus memperkukuh keberkesanan kaedah *Speed Tahfiz* yang menuntut tahap disiplin, konsistensi, dan konsentrasi yang tinggi. Pendekatan ini amat signifikan memandangkan pada peringkat awal pembelajaran, sebahagian pelajar beranggapan bahawa menghafal satu muka surat al-Quran dalam tempoh 30 minit merupakan sesuatu yang mustahil. Namun demikian, melalui dorongan berterusan serta bimbingan sistematik daripada guru, pelajar akhirnya berjaya memecahkan batasan mental tersebut dan meningkatkan keupayaan hafazan mereka (Muhammad Hafiz, 2025). Pendekatan ini juga selari dengan konsep *study smart* yang menekankan penggunaan strategi pembelajaran yang efektif dan berfokus (Heidy et al., 2022). Bahkan, motivasi dikenal pasti sebagai faktor utama yang mendorong pelajar untuk terus istiqamah atau konsisten dalam proses menghafaz al-Quran. Selain itu, sokongan berterusan daripada guru, ibu bapa, dan ahli keluarga terdekat seperti adik-beradik turut memainkan peranan penting dalam mengekalkan konsistensi dan kelangsungan hafazan pelajar tahfiz (Azihal et al., 2022).

Akademi al-Quran Amalillah menyusun rutin harian pelajar secara sistematik dan terancang bagi memastikan proses hafazan al-Quran dapat dilaksanakan secara konsisten, tanpa mengabaikan kesejahteraan rohani, mental, dan fizikal pelajar. Jadual 2 menunjukkan susunan dan pengagihan aktiviti harian pelajar.

Jadual 2: Jadual Harian Pembelajaran

Waktu	Aktiviti
Sebelum Subuh	Kelas Hafazan
7:30am – 7:45am	<i>Morning Booster</i> bersama guru (kecuali Isnin: perjumpaan pelajar dengan pihak atasan)
8.00am – 8.30am	Perjumpaan guru bersama pelajar Aktiviti motivasi (Asmaul Husna, lagu 12 nilai AKMAL, ucapan, permainan, tontonan video)
8.30am – 10.00am	Sesi 1 – <i>Sabak</i> (hafazan baharu)
10.00am – 10.30am	Rehat pagi
10.30am – 12.00pm	Sesi 2 – <i>Sabqi</i> (Ulangan hafazan baharu)
12.00pm – 12.30pm	Sesi tajwid & latihan menjadi imam menggunakan <i>Modul Qurro'</i> bersama guru kelas
12.30pm – 2.00pm	Rehat, <i>Qailullah</i> , Solat Zohor
2.00pm – 2.30pm	Makan tengah hari
2.30pm – Asar	Sesi 3 – <i>Manzil</i> (ulangan hafalan lama)
5.00 – 5.30 petang	Tambahan masa untuk melengkapkan “3 rukun” (<i>sabak, sabqi, manzil</i>)
Selepas Asar – Maghrib	Waktu sendiri (mandi, makan, riadah)
7.40pm – 9.00pm	Kelas malam hafazan, solat Isyak & pengajian tambahan
9.00pm – 9.30pm	Persiapan tidur
9.30pm – 10.00pm	Tidur

Sumber: Akademi al-Quran Amalillah (2025)

Pada hari Sabtu, pelajar-pelajar akan menjalani pembelajaran setengah hari sahaja berdasarkan Jadual Harian manakala pada hari Ahad, mereka dibenarkan rehat sepanjang hari dan kelas akan bermula pada waktu malam (Muhammad Hafiz, 2025). Jadual harian yang disusun oleh AKMAL mempamerkan satu struktur yang holistik dan seimbang. Jadual ini juga mempunyai persamaan dengan model tahfiz swasta lain di Malaysia yang mengamalkan sistem sepenuh masa (*full-time*). Menurut Fatin dan Noornajihan (2023), kebanyakan institusi tahfiz sepenuh masa lebih menekankan aspek penghafazan serta pemeliharaan al-Quran. Sebahagian besar masa pembelajaran harian, iaitu sekitar 13 hingga 15 jam, diperuntukkan khusus untuk aktiviti hafazan. Keutamaan yang tinggi terhadap hafazan ini secara tidak langsung mengehadkan masa bagi pengajaran subjek lain, memandangkan pihak institusi berusaha mengelakkan beban pembelajaran yang berlebihan terhadap pelajar agar fokus hafazan dapat dikekalkan.

3.3 Strategi Sokongan *Speed Tahfiz Program*

AKMAL telah melaksanakan beberapa strategi motivasi bagi meningkatkan semangat pelajar dalam menghafaz al-Quran. Antara strategi yang digunakan ialah penganjuran kempen serta penyediaan *ranking board* sebagai pemangkin kepada pencapaian pelajar.

i. Kempen AKMAL

AKMAL melaksanakan pelbagai bentuk kempen sebagai strategi untuk meningkatkan motivasi serta pencapaian hafazan dalam kalangan pelajar. Antara kempen yang dianjurkan ialah *Rising Huffaz*, *Marathon Huffaz*, *Road to Haflah* dan *Endgame*. Kempen *Rising Huffaz* dilaksanakan pada awal tahun sebagai inisiatif permulaan atau ‘pemanasan enjin’ bagi membina momentum hafazan pelajar. Seterusnya, kempen *Marathon Huffaz* pula dilaksanakan dua kali setahun iaitu pada bulan April dan bulan Ogos. Kempen ini dianggap paling berkesan dalam mendorong pelajar untuk melampaui had kebiasaan (*break limit*) mereka wujudnya suasana persaingan yang sihat serta tawaran ganjaran yang lebih besar berbanding kempen lain. Sepanjang pelaksanaan kempen *Marathon Huffaz*, kebanyakan pelajar menunjukkan peningkatan pencapaian yang ketara berbanding bulan-bulan biasa. Sebagai contoh, pada bulan-bulan lain mereka kebiasaannya hanya mampu menghafaz dua hingga tiga juzuk, namun ketika kempen ini mereka mampu mencapai sehingga lima hingga tujuh juzuk dalam tempoh sebulan. Selain itu, suasana pembelajaran turut berubah apabila pelajar sanggup menambah tempoh masa mengaji sehingga lewat malam, malah ada yang mengetuk pintu bilik guru pada awal pagi untuk memastikan hafazan baharu dapat dihantar. Situasi ini mewujudkan budaya persaingan yang sihat dan suasana pembelajaran yang luar biasa dalam kalangan pelajar. Meskipun kesemua kempen menawarkan ganjaran, para guru tetap menekankan bahawa kerediaan Allah perlu dijadikan matlamat utama dalam usaha menghafaz al-Quran (Muhammad Hafiz, 2025).

Pada bulan Mei pula kempen *Road to Haflah* diadakan sebagai kesinambungan kepada *Marathon Huffaz*. Kempen ini bertujuan mengekalkan momentum dan semangat pelajar menjelang majlis konvokesyen tahunan pada bulan Jun. Akhir sekali, kempen *Endgame* yang dijalankan pada penghujung tahun bagi memastikan momentum yang telah dibina sepanjang tahun dapat dipertahankan sehingga ke hujung sesi pengajian (Muhammad Hafiz, 2025).

ii. *Ranking Board*

AKMAL turut memperkenalkan sistem *Ranking Board* sebagai salah satu strategi motivasi untuk mendorong pelajar mencapai tahap hafazan yang ditetapkan. Sistem ini berfungsi sebagai penanda aras perkembangan hafazan serta sebagai mekanisme galakan berterusan bagi membantu pelajar mara ke tahap seterusnya. Penetapan tahap ranking dibuat berdasarkan jumlah juzuk yang

berjaya dihafaz oleh pelajar. Sebanyak lapan tahap disusun dengan jarak skala lima juzuk bagi setiap tahap, sebagaimana diringkaskan dalam Rajah 1 di bawah.

1. Warrior	• 1 – 4 Juzuk
2. Elite	• 5 – 9 Juzuk
3. Master	• 10–14 juzuk
4. Grand Master	• 15–19 juzuk
5. Titan	• 20–24 juzuk
6. Gladiator	• Tasbit 25 juzuk
7. Legend al-Hafiz	• Hafazan lengkap 30 juzuk
8. Emperor Syahadah	• Syahadah hafazan 30 juzuk melalui ujian rasmi

Rajah 1: *Ranking Board* AKMAL

Amalan ini selari dengan pandangan Azihal et al. (2022) bahawa pemberian hadiah, markah, pujian, hukuman, persaingan dan rangsangan minat mampu memberikan kesan positif terhadap pencapaian pelajar. Secara teorinya, sistem *Ranking Board* ini berfungsi sebagai bentuk motivasi ekstrinsik, iaitu kecenderungan individu untuk melaksanakan sesuatu aktiviti atau tugas bagi memperoleh ganjaran sama ada dalam bentuk fizikal mahupun psikologi (Brown, 2007). Menurut Hayati Hussin et al. (2023), motivasi ekstrinsik merupakan dorongan luaran yang mempengaruhi tingkah laku individu untuk melaksanakan tugas secara maksimum melalui ganjaran seperti gred, pujian, mahupun pengiktirafan. Motivasi ekstrinsik juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan keupayaan pelajar dalam mengekalkan hafazan mereka. Pelajar yang terdorong oleh faktor luaran ini lazimnya mampu melakukan ulangan (muraja'ah) dengan lebih efektif kerana mereka mempunyai kepercayaan bahawa usaha tersebut akan membuahkan pencapaian yang cemerlang.

4. KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa penubuhan Akademi al-Quran Amalillah telah membawa dimensi baharu dalam landskap pendidikan tahfiz di Malaysia. Sebagai sebuah institusi tahfiz swasta yang masih muda, AKMAL telah berkembang pesat dengan pembukaan beberapa cawangan di seluruh negara dalam tempoh kurang daripada sepuluh tahun penubuhannya. Pelaksanaan *Speed Tahfiz Program*, yang diubah suai daripada Kaedah Deobandi, didapati berkesan dalam membantu pelajar mencapai matlamat menghafaz al-Quran dalam tempoh yang singkat. Keberkesanan ini diperkukuh melalui gabungan Teknik Pomodoro, pelbagai kempen motivasi dan penggunaan *Ranking Board* sebagai alat pemantauan serta penggerak kemajuan hafazan. Keseluruhan pendekatan ini secara kolektif menyumbang kepada kejayaan AKMAL dalam melahirkan huffaz dalam tempoh setahun.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa AKMAL mempunyai potensi besar untuk dijadikan model rujukan oleh institusi tahfiz lain dalam usaha membangunkan generasi huffaz yang berkualiti, berdisiplin dan berdaya saing. Secara khususnya, hasil kajian ini dapat dimanfaatkan oleh pengurus institusi tahfiz dalam merancang strategi pembelajaran yang lebih berkesan, sama ada dari aspek pengurusan program, pendekatan pedagogi atau kaedah memotivasikan pelajar. Selain itu, guru-guru

tahfiz juga boleh menjadikan pendekatan bimbingan mesra, disiplin terarah dan suasana kompetitif yang harmoni seperti yang diamalkan di AKMAL sebagai inspirasi dalam usaha melahirkan huffaz yang cemerlang, berintegriti dan berdaya saing.

Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa keterbatasan yang wajar diambil kira dalam mentafsir dapatan yang diperolehi. Pertama, kajian hanya dijalankan di AKMAL Shah Alam tanpa melibatkan institusi tahfiz lain sebagai sampel perbandingan. Kekangan ini menghadkan generalisasi dapatan kepada konteks yang lebih luas. Kedua, proses pengumpulan data melalui temu bual hanya melibatkan Mudir, tanpa mendapatkan perspektif guru-guru yang berperanan langsung dalam pelaksanaan kaedah hafazan. Hal ini menyukarkan penilaian terhadap keselarasan dan konsistensi amalan pengajaran di peringkat operasi. Ketiga, kajian ini tidak menilai secara mendalam aspek kualiti hafazan, khususnya ketepatan bacaan, penguasaan tajwid secara teori dan praktikal, serta kestabilan hafazan dalam jangka panjang. Sehubungan itu, kajian lanjutan disarankan untuk menilai kualiti hafazan pelajar AKMAL secara lebih komprehensif, termasuk tahap ketahanan hafazan selepas tamat pengajian. Penyelidikan seterusnya juga boleh memperluas skop dengan melibatkan beberapa institusi tahfiz lain bagi tujuan perbandingan dan pembentukan model amalan terbaik (*best practices*). Selain itu, kajian masa hadapan wajar meneliti peranan teknologi digital dalam proses hafazan, seperti penggunaan aplikasi mudah alih, platform pembelajaran interaktif dan analitik pembelajaran. Penyelidikan yang mengintegrasikan hafazan dengan pendidikan akademik serta pembangunan kemahiran insaniah turut penting bagi memperkukuh pembangunan model pendidikan tahfiz yang lebih holistik, relevan dan responsif terhadap keperluan semasa.

KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada sebarang konflik kepentingan (kewangan, peribadi atau profesional) yang boleh mempengaruhi penulisan dan penerbitan artikel ini.

PENGHARGAAN

Makalah ini adalah sebahagian daripada kajian projek di peringkat Sarjana Pengajian Islam (Program al Quran dan al-Sunnah), Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

RUJUKAN

Abdul Hafiz bin Haji Abdullah, Ajmain bin Safar, Mohd Ismail bin Mustari, Azhar bin Muhammad & Idris bin Ismail. (2003). *Keberkesanan Kaedah Hafazan di Pusat Tahfiz*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Akademi al-Quran Amalillah (AKMAL). Diakses daripada laman web <https://hafizsetahun.com/> pada 20 November 2025.

Astro Awani. (2025, Januari 12). *Hafiz Cilik Ahmad Ziyad Hafaz 30 Juzuk dalam Tempoh 4 Bulan*. <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/hafiz-cilik-ahmad-ziyyad-hafaz-30-juzuk-dalam-tempoh-4-bulan-517826>

Azihal bin Bangsawan, Zetty Nurzuliana binti Rashed & Muhammad Hafiz bin Salleh. (2022). Faktor-faktor kecemerlangan hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz di Sabah. *Jurnal Pengajian Islam*, 15, 31–43.

Azmil Hashim, Misnan Jemali, Ab Halim Tamuri & Mohd Aderi Che Noh. (2014). Hubungan antara adab-adab pembelajaran tahfiz dan pencapaian hafazan pelajar. *The Online Journal of Islamic Education*, 2(2), 73-82.

- Berita TV al-Hijrah. (2018, November 10). *Bergelar Huffaz dalam Setahun*. <https://www.youtube.com/watch?v=L4TXmOGIII8&t=46s>
- Brown, H. D. (2007). *Principles of Language Learning and Teaching*. (5th ed.). New York: Pearson Education.
- Cirillo, F. (2006). *The Pomodoro Technique*. Berlin: FC Garage.
- Darul Quran JAKIM. (2019). *Kaedah Hafazan al-Quran Model Malaysia: Teras Panduan Penghafaz al-Quran*. Kuala Kubu Bharu: Darul Quran JAKIM.
- Fatin Husna Zaidi & Noornajihan Ja'afar. (4-5 Oktober 2023). Kepelbagaian kurikulum pengajian tahfiz swasta peringkat menengah di Malaysia. *Proceedings of the 9th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2023)*, Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia. Hlm. 110-125.
- Hayati Hussin, Abdul Rahim Ahmad, Aslam Farah Selamat, Muhammad Hafiz Saleh, Mardhiah Yahaya, Rohana Zakaria, Noor Hafizah Mohd Haridi (2023). Motivasi ekstrinsik: Analisis terhadap cabaran mengekalkan hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Pengajian Qiraat USIM. *Jurnal Qiraat*, 6(2), 73-83.
- Heidy Arviani, Dyva Claretta & Zainal Abidin Achmad. (2021). Peningkatan kualitas belajar siswa dengan Teknik Pomodoro, Cornell Notes dan Feynman di Sanggar Belajar Professor Kota Madiun. *Khidmatuna: Jurnal Pengabdian Masyarakat*, 2(1), 67–85.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2021). *Dasar Pendidikan Tahfiz Negara*. Putrajaya: JAKIM.
- Mohd Shamsul Hakim bin Abd Samad, Mohd Yakub @ Zulkifli bin Mohd Yusoff, Sedek bin Ariffin & Khairul Anuar bin Mohamad. (4-5 Oktober 2023). Tahfiz al-Quran Pantas Malaysia: Antara keperluan, cabaran dan solusi. *Proceedings of the 9th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2023)*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia. Hlm. 412-430.
- Muhammad Dhiauddin & Abdul Hafiz. (2021). Pengurusan sekolah tahfiz ke arah melahirkan generasi huffaz yang berkualiti. *Proceeding International Seminar on Islamic Education and Peace*, Hlm. 235–243.
- Muhammad Hafiz Ansari. (2025, Ogos 26). *Temu bual Mudir Akademi al-Quran Amalillah Shah Alam*. Shah Alam.
- Muhamad Hafiz Muhamad Haneefa, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Sabri Mohamad & Mohd Faizulamri Mohd Saad. (2023). Tinjauan model dan kurikulum tahfiz di Negeri Selangor. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 9(1), 117–125.
- Muhammad Ikram Abdul Latiff & Noornajihan Jaafar. (2024). Institusi tahfiz di Malaysia: Proses perkembangan dan cabaran. *Qiraat: Jurnal al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari*, 7(2), 54–63.
- Noor Hisham Md Nawawi, Nur Azuki Yusuff, Mohd Binyamin Che Yaacob & Nasrul Hakim Salleh. (2014). Matlamat dan halatuju sistem pengajian tahfiz di Kelantan: Satu pengamatan awal. *4th International Conference and Exhibition on Islamic Education*. Kota Bharu, Kelantan. Hlm. 1-15

- Nor Hasanah Mohd Yusoff, Noor Ashikin Nik Mat & Siti Mahfudzoh Mohd Hafiz. (2025). Pembelajaran terstruktur dan kaedah pengajaran hafazan al-Quran di Maahad Tahfiz al-Husni. *Jurnal Qiraat*, 8(1), 40–48.
- Nurul Huda Mohammad & Noor Syahidah Mohamad Akhir. (2023). Kepelbagaian pengurusan, potensi dan cabaran institusi tahfiz di Malaysia. *Jurnal Qiraat*, 6(1), 36–52.
- Sharifah Noorhidayah. (2017). Aplikasi Sistem Turki Uthmani dalam kaedah hafazan al-Quran: Kajian kes di Maahad Tahfiz Sulaimaniyah. *Tesis Sarjana*: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sidek Ariffin & Zulkifli Mohd Yusoff. (2015). *Metodologi Hafazan al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Solahuddin Ismail. (2018). Sejarah perkembangan dan status terkini pengajian tahfiz di Malaysia: manhaj dan model. Muzakarah Institusi Tahfiz Negara. Kompleks Dakwah Darul Murtadha Sungai Petani Kedah: Unpublished.
- Syahid Robbani & Ahmad Muzayyan. (2021). *Menghafal al-Qur'an: Metode, Problematika dan Solusinya, Sembari Belajar Bahasa Arab*. Bandung: Mujahid Press.
- Wan Ahmad Zakry Wan Kamaruddin, Firdaus Khairi Abdul Kadir & Azman Che Mat. (2021). Amalan terbaik pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran dalam Program Ulul Albab Imtiaz. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(1), 105–126.
- Wan Khalijah binti Wan Jusoh, Mohd A'Tarahim bin Mohd Razali, Ahmad bin Abdul Rahman, Kamariah binti Abdul Rahman & Nurul Fazlina binti Mat Zin. (2020). Cabaran pemantapan hafalan al-Quran dalam kalangan para hafiz al-Quran: Satu kajian literatur. *Jurnal KIAS*, 13(1), 1–10.

Maryam Aqilah binti Muhaiyat
Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA
Email: maryamaqilah212@gmail.com

Haziyah binti Hussin (Corresponding author)
Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA
Email: haziyah@ukm.edu.my